



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**22 JULAI 2017 (SABTU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Laluan ke projek pembinaan hanya akses sementara

43



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**22 JULAI 2017 (SABTU)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Laluan ke projek pembinaan hanya akses sementara
Muka Surat	43

## Laluan ke projek pembinaan hanya akses sementara

AMPANG – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sedia maklum bantahan Penduduk Taman Ukay Bistari, di sini, berhubung penggunaan Jalan UB2A sebagai laluan masuk dan keluar ke projek pembinaan pangsapuri berhampiran kawasan perumahan itu.

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, MPAJ tidak bersetuju dengan cadangan pemaju untuk mengguna pakai Jalan UB2A sebagai jalan keluar masuk.

“Namun begitu, kami sedia maklum cadangan pihak penduduk supaya pemaju menggunakan laluan di Kampung Pasir.

“Kami dapati ia tidak bersesuaian kerana jalan kampung berkenaan hanya selebar 6 meter berbanding Jalan UB2A yang lebar jalannya 13.5 meter,” katanya ke-

pada Sinar Harian.

Norhayati berkata, jalan keluar masuk sebenar bagi pembangunan itu adalah melalui tanah yang mempunyai hak milik dan Jalan Ukay Bistari 2.

“Bagaimanapun jalan ini hanya boleh dibina setelah pemilik tanah membina dan membangunkan tapak ini kelak.

“Jalan sambungan yang melalui Jalan UB2A akan digunakan sebagai jalan kecemasan setelah jalan sebenar melalui Jalan Ukay Bistari disiapkan,” katanya kepada pemberita melalui kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini.

Beliau berkata, jalan sambungan itu adalah merupakan akses sementara bagi pembangunan salah sebuah blok pangsapuri berkenaan.

“Ia adalah selaras dengan pe-

lan susun atur bagi kebenaran merancang yang telah diluluskan pada 2003, Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur telah diluluskan oleh MPAJ pada 2012, kini jalan sambungan ini sedang dalam proses pembinaan,” katanya.

Sebelum ini, Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk Taman Ukay Bistari mendakwa jika projek pembinaan itu siap, pengguna jalan di kawasan perumahan mereka akan meningkat dan menjadi sesak.

Penduduk juga khuatir terhadap faktor keselamatan mereka dan anak-anak kecil, penduduk berharap pihak yang bertanggungjawab prihatin terhadap isu yang dibangkitkan oleh penduduk.

Penduduk juga berharap pemaju atau MPAJ mengkaji semula jalan alternatif lain seperti di Kampung Pasir.